

## **PERADUAN AJI-SHIO® PERAP, MASAK, TABUR & MENANG! - TERMA & SYARAT**

Peraduan "**AJI-SHIO® Perap, Masak, Tabur & Menang!**" ini dianjurkan oleh Ajinomoto (Malaysia) Berhad ('Penganjur'). Peraduan ini akan bermula dari 1 Ogos 2025 sehingga 30 September 2025 ("Tempoh Peraduan") di Facebook dan Instagram.

Dengan menyertai dan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, peserta bersetuju dengan Terma & Syarat Peraduan ini. Notis Privasi (Jika ada) yang dilampirkan kepada atau sebaliknya disediakan berhubung dengan Terma & Syarat Peraduan ini hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada terma-terma Peraduan ini. Penganjur berhak untuk memindah Terma & Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

### **Tempoh Peraduan -**

1. Peraduan ini akan bermula dari 1 Ogos 2025 sehingga 30 September 2025.

### **Kelayakan -**

1. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas dengan kad pengenalan yang sah kecuali kakitangan Pihak Penganjur, syarikat-syarikat gabungannya, pengedar, agensi pengiklanan dan syarikat promosi jualan serta ahli keluarga terdekat mereka.
2. Untuk menyertai peraduan ini, peserta harus mempunyai akaun Facebook dan Instagram.
3. 'Post' penyertaan yang mengandungi produk SELAIN daripada AJI-SHIO® Lada Berperisa dan AJI-SHIO® Lada Hitam Berperisa dikira TIDAK sah dan batal.
4. Penyertaan yang menggunakan teknologi AI atau sebarang bentuk penipuan, termasuk penyertaan yang dipalsukan, tidak akan diterima. Semua penyertaan mesti asli dan dihasilkan oleh peserta sendiri. Pihak penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan yang disyaki melanggar syarat ini.
5. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan.
6. Bagi tujuan pengesahan oleh pihak penganjur untuk setiap penyertaan oleh peserta, akaun Facebook/Instagram yang digunakan oleh peserta hendaklah ditetapkan 'Umum' (Public) sepanjang tempoh peraduan ini sehingga Oktober 2025.

## **Mekanisme Peraduan & Penyertaan -**

Untuk mengambil bahagian dalam Peraduan ini, peserta hendaklah mematuhi setiap mekanisme peraduan seperti yang berikut:-.

1. Masak apa-apa hidangan menggunakan AJI-SHIO® dalam salah satu 'cara aplikasi' antara Perap, Masak, atau Tabur.
2. Muat naik gambar hidangan bersama produk AJI-SHIO® yang digunakan ke FB atau IG bersama resipi lengkap dan tag @AJI-SHIO.Cooking di dalam kapsyen.
3. Sertakan hashtag #AjishioShakeShake dan nyatakan 'cara aplikasi' AJI-SHIO® dalam hidangan menggunakan hashtag #PerapAjiShio untuk Perap, #MasakAjiShio untuk Masak, atau #TaburAjiShio untuk Tabur.

## **Tarikh Tamat Penyertaan**

Penyertaan hanya diterima dalam tempoh 1 Ogos hingga 30 September 2025. Penyertaan selepas tarikh ini tidak layak untuk memenangi sebarang hadiah.

## **Pemenang dan Hadiah -**

Pemenang akan dipilih melalui cabutan secara rawak berdasarkan 'post' yang dimuat naik oleh para peserta di laman Facebook/Instagram mereka. Kesemua peserta yang menyertai peraduan ini berpeluang untuk memenangi 6x Hadiah Utama dan 30x hadiah saguhati.

### **Hadiah Keseluruhan:**

- JUARA PERAP x2: Jongkong Emas 2g
- JUARA MASAK x2: Jongkong Emas 2g
- JUARA TABUR x2: Jongkong Emas 2g
- Hadiah Istimewa x30: Kredit Touch 'n Go eWallet RM100 & Buku Resipi AJI-SHIO®

Keputusan Penganjur ke atas pemilihan para pemenang adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang pertikaian tidak akan dilayan.

Nama para pemenang akan diumumkan melalui laman akaun Facebook dan Instagram Penganjur seperti yang dibawah pada tarikh-tarikh berikut -

- Pautan akaun Facebook Penganjur: <https://www.facebook.com/AJISHIO.Cooking/>

- Pautan akaun Instagram Penganjur: <https://www.instagram.com/ajishio.cooking/>
  - 12 September 2025: Hadiah Saguhati [Pusingan 1]
  - 14 Oktober 2025: Hadiah Saguhati [Pusingan 2]
  - 15 Oktober 2025: Hadiah Utama

### **Penebusan Hadiah**

1. Para pemenang harus menghubungi dan memberi maklumat untuk urusan penebusan hadiah dalam masa 7 hari bermula daripada tarikh notis pemenang yang dikeluarkan di laman Facebook dan Instagram pihak Penganjur. Jika hadiah tidak ditebus oleh pemenang dalam tempoh tujuh (7) hari mulai tarikh pemenang diumumkan, Penganjur berhak melucutkan kelayakan pemenang dan memilih pemenang seterusnya. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atas sebarang sebab.
2. Sebarang urusan berkenaan peraduan ini hanya akan dibuat melalui laman akaun Facebook dan Instagram penganjur (AJISHIO.Cooking) SAHAJA.
3. Penganjur berhak menggantikan sebarang hadiah dengan sebarang hadiah yang lebih kurang sama nilainya. Semua hadiah tidak boleh ditukar milik, dikembalikan atau ditukar dalam apa jua bentuk lain atas apa jua sebab.
4. Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan hadiah semasa proses penghantaran. Semua risiko penghantaran adalah di bawah tanggungjawab penerima.

### **Liabiliti & Tanggungjawab**

Pihak Penganjur, syarikat-syarikat gabungannya, pengedar, agensi pengiklanan dan syarikat promosi jualan yang berkaitan dengan peraduan menafikan sebarang dan semua liabiliti yang timbul daripada Peraduan ini dan tidak akan bertanggung-jawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kehilangan (termasuk tanpa had, kehilangan tidak langsung, khas atau akibat atau kehilangan keuntungan), perbelanjaan, kerosakan, kecederaan peribadi atau kematian yang dialami (sama ada yang timbul daripada mana-mana kecuaian orang atau tidak) yang timbul daripada sebarang penyertaan peserta dalam Peraduan ini, penebusan dan/atau penggunaan hadiah, kecuali bagi sebarang liabiliti yang tidak boleh dikecualikan daripada undang-undang (yang mana liabiliti tersebut adalah terhad kepada jumlah minima yang dibenarkan oleh undang-undang).

### **Lain - Lain**

Dengan menyertai Peraduan ini, setiap peserta bersetuju dengan Terma & Syarat Peraduan ini dan pihak Penganjur berhak untuk:

1. Menerbitkan, menggunakan nama dan/atau foto-foto Peserta Layak dan/atau para pemenang sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau publisiti tanpa memberi bayaran atau notis terlebih dahulu dan seterusnya bersetuju bahawa dengan menyertai Peraduan ini, Peserta Layak dan/atau para pemenang mengenepikan semua hak yang berkaitan dengan foto yang mereka telah sertakan untuk peraduan ini.
2. Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Promosi dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian. Dengan menyertai dan mengambil bahagian dalam Peraduan ini peserta bersetuju dengan Terma & Syarat Peraduan ini.

#### **Perlindungan Data - Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ('PDPA')**

##### **11. Notis Privasi**

11.1 Penganjur mengambil privasi anda dengan amat serius. Segala data peribadi anda yang mungkin diproseskan akan diproseskan mengikut kami.

11.2 Dengan menyertai Peraduan ini dan menghantar penyertaan anda, anda memberikan persetujuan dan hak mutlak kepada Ajinomoto (Malaysia) Bhd. termasuk mana-mana syarikat induk, subsidiari, atau syarikat berkaitan seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Ajinomoto (Malaysia) Bhd.") serta ahli gabungan, pengarah, pegawai, kakitangan, pembekal, penaja, pembekal perkhidmatan, ejen, wakilnya, dan kontraktor yang menyediakan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami ("Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa") (secara kolektif dirujuk sebagai "Penganjur", "kami" atau "kita") untuk memproses data peribadi anda yang diberikan dalam borang penyertaan bagi tujuan kegunaan Peraduan ini. Persetujuan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada mendedahkan nama anda secara awam sekiranya anda menjadi pemenang dalam Peraduan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar, dan data peribadi anda yang lain tanpa sebarang pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

11.3 Penganjur juga boleh menggunakan data peribadi anda untuk tujuan menghubungi anda dan menghantar maklumat atau bahan pemasaran dan promosi tentang produk, perkhidmatan, sampel, promosi, acara, atau peraduan yang dianjurkan oleh Penganjur. Anda boleh menyatakan pilihan anda pada borang penyertaan sekiranya anda bersetuju untuk

data peribadi anda digunakan bagi tujuan ini (jika ada). Anda mempunyai pilihan untuk menolak (opt-out) daripada menerima maklumat atau bahan pemasaran tersebut pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur melalui saluran rasmi yang dinyatakan dalam Dasar Privasi (Privacy Policy) kami.

11.4 Sekiranya anda berkongsi dan mendedahkan data peribadi mana-mana pihak ketiga kepada Penganjur, anda mengakui dan mengesahkan bahawa anda telah memperoleh persetujuan individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan data peribadinya kepada kami serta untuk dihubungi oleh kami.

11.5 Bagi kanak-kanak atau individu yang tidak layak secara sah untuk memberikan persetujuan, anda mengakui dan mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda sebagai wakil mereka dan memberikan persetujuan bagi pihak mereka untuk memproses data peribadi mereka mengikut Dasar Privasi (Privacy Policy) kami.

11.6 Dari semasa ke semasa, Penganjur mungkin akan melantik Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa untuk memproses data peribadi anda. Semua Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa ini adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi memastikan keselamatan data peribadi anda dan tidak menggunakan data peribadi anda untuk sebarang tujuan lain selain daripada yang dinyatakan di sini dan/atau dalam Dasar Privasi (Privacy Policy) kami. Penganjur adalah sebuah syarikat global, dan data peribadi anda mungkin dipindahkan merentasi sempadan ke luar negara. Penganjur akan memastikan bahawa mana-mana negara yang menerima data anda mempunyai undang-undang perlindungan data peribadi yang serupa atau setara dengan tahap perlindungan yang diberikan di bawah undang-undang Malaysia.

11.7 Anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, mendapatkan salinan, mengemaskini, atau memperbetulkan data peribadi anda yang diproses oleh kami. Semua permintaan bertulis atau pertanyaan anda hendaklah dialamatkan kepada:

Hubungi: Pegawai Perlindungan Data Peribadi

Ajinomoto (Malaysia) Bhd. (4295-W)

Lot L1-E-5A and L1-E-5B, Technology Park Malaysia Enterprise, 4, Lebuhraya Sungai Besi, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur

Atau sebarang pertanyaan boleh terus dihantar ke pautan akaun Facebook Penganjur:  
<https://www.facebook.com/AJISHIO.Cooking/> atau pautan akaun Instagram Penganjur:  
<https://www.instagram.com/ajishio.cooking/>

Adalah dimaklumkan bahawa Penganjur memerlukan data peribadi anda untuk memproses penghantaran hadiah. Tanpa data peribadi tersebut, penghantaran tidak dapat diproses dan maklumat pemenang akan dianggap tidak lengkap.